

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 14 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 1

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1432-MQT0807
Tuan Shahrizukir bin Abd. Kadir [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan penebusan Ganti Cuti Rehat (GCR) kepada wang tunai selama 75 hari bagi penjawat awam yang telah berkhidmat selama 15 tahun seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2020.

2. PR-1432-MQT0811
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan pelan Kerajaan untuk memudah dan mempercepatkan proses mendapatkan status kewarganegaraan untuk anak-anak tanpa kad pengenalan (*stateless children*) termasuk memperbaharui SOP yang ada untuk menangani isu ini secara cepat dan holistik.

3. PR-1432-MQT0809
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan terbaru berkenaan pilihan raya Kerajaan tempatan.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 14 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1432-L09508
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan tindakan dalam menangani kekusaran rakyat di kawasan luar bandar mengenai isu kesempitan hidup lebih-lebih lagi dengan peningkatan harga barang keperluan harian di samping ketidaktentuan harga komoditi getah dan kelapa sawit.

2. PR-1432-L09307
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
 - (a) jumlah majikan yang telah diluluskan di bawah Program Subsidi Upah dan telah menyalurkan subsidi tersebut tanpa memberhentikan pekerja; dan

 - (b) jenis industri yang mempunyai tuntutan tertinggi di bawah Program Subsidi Upah.

3. PR-1432-L09042
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah terdapat usaha Kementerian dalam menyediakan laluan khas kepada golongan tertentu untuk mendaftarkan perniagaan mereka, khasnya di kalangan peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

4. PR-1432-L09274
Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kekerapan kebakaran berlaku di luar bandar yang melibatkan bangunan tinggi, apakah langkah yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk menambah baik mutu perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat di seluruh negara.
5. PR-1432-L09915
Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
 - (a) apakah inisiatif Kementerian dalam meningkatkan dan mengekalkan prestasi atlet-atlet negara sentiasa dalam keadaan baik ; dan
 - (b) apakah perancangan Kementerian seterusnya dalam hal ini.
6. PR-1432-L08963
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilakah syarat-syarat pengambilan Empangan Mengkuang akan disempurnakan sebelum penyerahannya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan apakah status pembaikan kecacatan yang dilaporkan sebelum ini.
7. PR-1432-L09449
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan pelan tindakan daripada pihak Kementerian menyediakan ruang serta peluang khusus kepada graduan-graduan universiti yang baharu menamatkan pengajian mereka supaya dapat menyertai bidang keusahawanan.
8. PR-1432-L09280
Tuan Baru Bian [Selangau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak yang terkini. Adakah Kerajaan akan meneruskan kaedah pembinaan seperti yang dipersetujui oleh Kerajaan PH dan adakah syarikat Lebuhraya Borneo Utara masih terlibat dengan projek ini.
9. PR-1432-L09069
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan perancangan ekonomi, infrastruktur dan sosial dalam Parlimen Cameron Highlands bagi masyarakat Orang Asli untuk tahun 2020.

10. PR-1432-L08791
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan mengenai sistem penjara Malaysia. Negara-negara lain mencuba pendekatan baru seperti pemulihan (*rehabilitation*) daripada hukuman (*punishment*) bagi jenayah-jenayah yang bukan serius. Pendekatan ini mungkin lebih efektif dalam memastikan penjenayah dapat diterima semula dalam masyarakat, sekali gus mengurangkan kos Kerajaan. Apakah rancangan Kementerian dalam hal ini.
11. PR-1432-L09427
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan Projek Bekalan Air kawasan Lubok Nibong Marudi setakat ini. Bilakah projek ini akan siap dilaksanakan.
12. PR-1432-L09617
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan plan holistik untuk memerangi masalah banjir pendatang asing tanpa izin dan apakah faktor utama yang membolehkan pendatang tanpa izin boleh masuk dan bertapak di negara ini.
13. PR-1432-L09297
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-
- (a) kaedah pemantauan yang dibuat terhadap peniaga atas talian di medium media sosial yang gagal mempamerkan harga barangan serta perkhidmatan; dan
 - (b) statistik terkini peniaga atas talian yang telah diambil tindakan akibat kesalahan tersebut mengikut pecahan medium media sosial.
14. PR-1432-L09002
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina 108 balai bomba kategori E di negeri Sarawak seperti yang dinyatakan oleh Kajian Risiko Kebakaran yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian.

15. PR-1432-L08798
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai status pembinaan jalan raya menuju Sipitang-Long Pasia yang merupakan satu destinasi baharu kunjungan pelancongan dengan anggaran purata 5,000 pelancong setahun melawat kawasan tanah tinggi itu.

16. PR-1432-L09854
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan impak COVID-19 terhadap usahawan desa dan inisiatif Kementerian untuk membantu usahawan desa meneruskan perniagaan mereka melalui platform dalam talian.

17. PR-1432-L09875
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memperkenalkan dasar baharu terhadap pengambilan pekerja asing dalam usaha menghapuskan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan berapa jumlah PATI yang berada di dalam negara yang telah dikesan oleh pihak berkuasa setakat Jun 2020.

18. PR-1432-L08921
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk melindungi sungai-sungai kita daripada pencemaran akibat pembuangan haram sampah sarap serta sisa pepejal dan juga air kumbahan yang tidak dirawat.

19. PR-1432-L08781
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini proses naik taraf Jalan Dandulit dan apakah status permohonan penurapan sambungan ke Kampung Kuala Gum-Gum.

20. PR-1432-L10031
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah peranan koperasi dalam membantu pemulihan ekonomi pasca COVID-19.

21. PR-1432-L09566
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah faktor penghalang pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) yang sepatutnya dijadualkan dilaksanakan pada Januari lalu dan apakah jaminan Kementerian bahawa kenaikan harga barang tidak akan berlaku sekiranya program ini dilaksanakan kelak.
22. PR-1432-L09549
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status permohonan menaik taraf Balai Polis Simpang Renggam kepada IPD (Ibu Pejabat Polis Daerah) susulan berlaku pertambahan penduduk ketara sejak beberapa tahun ini.
23. PR-1432-L09366
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat kajian dan analisis dibuat bagi masalah ketagihan semasa Perintah Kawalan Pergerakan dan adakah berlaku peningkatan pengedaran dadah di pasaran meningkat selepas tempoh PKP.
24. PR-1432-L09679
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mewujudkan lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi menghasilkan impak positif dalam membasmi kemiskinan tegar di luar bandar.
25. PR-1432-L09480
Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah terkini Kementerian untuk mengatasi masalah pengangguran yang ketika ini mengikut statistik berada pada tahap 5 peratus dan dijangka akan meningkat sehingga 12 peratus pada hujung tahun 2020 ini.
26. PR-1432-L09724
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian di bawah Pelan Rangsangan Ekonomi (PRE) untuk membantu para majikan dan golongan pekerja yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan apakah kejayaan setakat ini serta usaha-usaha lanjut Kerajaan menerusi PENJANA.

27. PR-1432-L09345

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

- (a) status terkini pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo di Sarawak dan sama ada Kerajaan akan menandatangani semula Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (PDP) yang telah ditamatkan pada Februari 2020; dan
- (b) apakah langkah tambahan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak dijalankan dengan lancar dan selamat digunakan.

28. PR-1432-L09681

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar pengangguran pekerja yang terkini dan apakah langkah Kementerian untuk membantu mereka yang kehilangan sumber pendapatan.

29. PR-1432-L08940

Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan, inisiatif, langkah-langkah dan banci yang telah dijalankan untuk mengenal pasti keperluan untuk menaik taraf Jalan Utama Persekutuan daripada Gopeng ke Kampar dan Kampar ke Tapah kepada laluan dua lorong sehala '*dual carriageway*' demi keselamatan dan kemudahan penduduk-penduduk tempatan. Jikalau tiada, kenapa.

30. PR-1432-L09676

Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sekiranya terdapat ketidakpatuhan dalam penjualan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) sama ada di premis atau dalam talian.

31. PR-1432-L09285

Tuan Baru Bian [Selangau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan projek Lebuh Raya Trans-Borneo seperti yang diluluskan oleh Kerajaan PH.

32. PR-1432-L09611
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan landskap terkini perniagaan dalam talian ketika situasi pandemik COVID-19. Apakah langkah Kementerian bagi membantu peniaga beralih dari model perniagaan fizikal ke platform digital untuk meneruskan kelangsungan operasi.
33. PR-1432-L08969
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai berapa ramai yang terjejas dan hilang pekerjaan akibat penamatan perjanjian Rakan Pelaksana Projek (PDP) Pan Borneo Sarawak. Apakah jaminan dan usaha Kerajaan untuk membantu mereka yang hilang pekerjaan ini.
34. PR-1432-L09154
Dato' Ir. Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilakah Projek Tebatan Banjir Sg. Bata (dalam daerah Kubang Pasu) dapat dijalankan bagi mengurangkan kerosakan kepada harta benda dan tanaman padi apabila banjir yang berlaku saban tahun.
35. PR-1432-L09677
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah keputusan Kementerian untuk menyemak semula Dasar Alam Sekitar Negara 2002, Dasar Perubahan Iklim Negara 2009 dan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) agar selari dengan perkembangan isu alam sekitar hari ini.
36. PR-1432-L10065
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) berapa lagi pakej kerja-kerja pembinaan keseluruhan Pan Borneo yang belum dilaksanakan sewaktu peralihan Kerajaan sejak 1 Mac 2020; dan
 - (b) berapa pakej-pakej yang telah ditenderkan selepas peralihan kuasa dan berapa banyak syarikat dari Sabah yang telah diberikan kerja pembinaan Lebuhraya Pan Borneo setakat ini.

37. PR-1432-L08896
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk melaksanakan program rumah murah/mampu milik dalam Parlimen Lubok Antu di daerah Engkilili dan Lubok Antu.
38. PR-1432-L09953
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status dan kemajuan pembinaan '*Flood Mitigation Development*' Skim 2 dan 4 yang melibatkan peruntukan sejumlah RM250 juta di Daerah Penampang yang sering kali menghadapi masalah banjir.
39. PR-1432-L09496
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan dan strategi yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah permohonan kewarganegaraan yang berterusan khususnya yang melibatkan kanak-kanak. Nyatakan jumlah permohonan keseluruhan yang masih tertunggak setakat sekarang.
40. PR-1432-L08865
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak permasalahan berkaitan dengan sijil kelahiran dan kad pengenalan Malaysia yang telah diselesaikan semenjak dua tahun yang lalu.
41. PR-1432-L09749
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jaminan berkenaan program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2019 akan diteruskan semula terutamanya selepas wabak pandemik COVID-19 reda dan berakhir.
42. PR-1432-L09893
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan mekanisme bantuan yang dihulurkan kepada masyarakat orang asli yang hilang punca pendapatan sepanjang dan selepas Perintah Kawalan Berkawal (PKB). Bagaimana Kementerian membantu murid-murid Orang Asli yang tidak mempunyai akses internet dan komputer untuk mengikuti pembelajaran dalam talian.

43. PR-1432-L09483
Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk meningkatkan prestasi semasa kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia terutamanya kepada petugas-petugas Jabatan Imigresen Malaysia yang bertugas di Kaunter Pemeriksaan Imigresen di Lapangan Terbang. Adakah kursus-kursus peningkatan prestasi ataupun induksi dilakukan khusus untuk meningkat mutu kerja Jabatan Imigresen Malaysia.
44. PR-1432-L09548
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar telah melakukan pemantauan berkala terhadap kilang pelupusan sisa elektronik yang dipercayai telah menyumbang kepada pencemaran udara di kawasan Simpang Renggam.
45. PR-1432-L09785
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan peratusan kelulusan yang diberikan untuk kemasukan pekerja asing mengikut kategori kelulusan biasa, kelulusan khas menteri dan kelulusan gantian daripada tahun 2016 sehingga Jun 2020.
46. PR-1432-L09599
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) bagaimana penjarakan sosial akan dilaksanakan di depot tahanan mengambil kira lonjakan kes COVID-19 dalam kalangan pendatang asing; dan
 - (b) apakah status penaiktarafan kesemua depot tahanan di Malaysia yang telah dicadangkan sebagai sebahagian daripada Rancangan Malaysia ke-12.
47. PR-1432-L09950
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa warga Sabah berbangsa Kadazan yang dilahirkan di Brunei, Raphael Sinumbong (MyPR No. 600404-71-5985) tidak diberikan kewarganegaraan Malaysia walaupun mendiang bapa beliau dan Raphael telah sekian lama membuat permohonan, menjalani ujian Bahasa Malaysia dan berulang kali ke Jabatan Pendaftaran Negara (sebelum bapa beliau meninggal dunia dan selepas itu disambung oleh Raphael) untuk memberi penjelasan berkenaan permohonan kewarganegaraan tersebut.

48. PR-1432-L08979
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan strategi bagi menangani masalah peningkatan kadar pengangguran berikutan impak penularan pandemik COVID-19 di negara ini.
49. PR-1432-L08958
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah pendirian Kementerian kini berhubung pemuliharaan Sungai Muda sebagai "sungai strategik". Apakah inisiatif yang diambil bagi melindungi Sungai Muda daripada pencemaran dan tindakan terhadap mereka yang dikenal pasti.
50. PR-1432-L09933
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada Kementerian akan meneruskan polisi membenarkan pengimportan gula oleh pengusaha-pengusaha 'food and beverage' di Sarawak dan Sabah memandangkan ia adalah lebih murah berbanding dengan harga gula yang dijual oleh pengilang-pengilang di Semenanjung Malaysia.
51. PR-1432-L08945
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dengan secara terperinci jumlah pelajar-pelajar Institut Latihan Perindustrian ILP yang sedang mengikuti kursus-kursus di Institut Latihan Perindustrian (ILP) di seluruh Malaysia yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Manusia. Berapa jumlah dana sebenar yang disediakan oleh Kerajaan untuk kursus-kursus ILP setiap tahun dan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menambah bidang kursus ILP untuk melahirkan graduan yang memiliki kemahiran, kebolehan dan nilai kemanusiaan yang diperlukan oleh Revolusi Industri 4.0.
52. PR-1432-L09395
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkara-perkara berikut yang berkaitan dengan pandemik COVID-19:-
- (a) jumlah pekerja yang diberhentikan kerja dan hilang punca pendapatan dan unjuran kadar pengangguran; dan
 - (b) langkah membantu mereka yang hilang pekerjaan, rancangan memperkasakan ekonomi keluarga golongan berkenaan.

53. PR-1432-L09175
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini pembinaan empangan air Gudang Empat Tawau yang sangat diperlukan oleh seluruh penduduk Tawau dan Kalabakan yang selalu menghadapi krisis bekalan air di musim kemarau dan banjir besar di beberapa kawasan penempatan besar seperti Kg. Pasir Putih, Kg. Tanjung Batu dan sekitarnya apabila berlaku hujan lebat berpanjangan.
54. PR-1432-L10008
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek menaik taraf Jambatan Sultan Haji Ahmad Shah di daerah Temerloh akan bermula kerana ianya telah ditender pada bulan November 2019. Hal ini penting kerana di Temerloh sedang berlaku penambahan kenderaan dan status jalan dan jambatan yang masih tidak dinaik taraf, menyebabkan kesesakan sering berlaku.
55. PR-1432-L09429
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Projek Bekalan Air Luar Bandar yang telah dibatalkan/ditangguhkan pelaksanaan di Sarawak oleh Kerajaan sebelum ini akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian di bawah Kerajaan sekarang. Nyatakan projek BELB dan BALB berkenaan yang dibatalkan/ditangguhkan di kawasan Baram yang akan diberi peruntukan oleh Kerajaan sekarang.
56. PR-1432-L09895
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerja yang menikmati subsidi Program Pengekalan Pekerja (ERP) serta bilangan aduan dan tindakan dikenakan terhadap majikan yang mengingkari terma dan syarat ERP untuk tidak membuat potongan gaji. Apakah cadangan Kementerian untuk membantu pekerja-pekerja di sektor informal.
57. PR-1432-L09841
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan KBS dalam memperkukuhkan platform pelaksanaan program Felo Perdana sebagai program '*executive internship*' yang memberikan jaminan peluang pekerjaan selaras dengan #MalaysiaKerja khususnya dalam tempoh pascapandemik COVID-19 yang menyaksikan kehilangan pekerjaan dalam kalangan belia dan anak muda.

58. PR-1432-L09993
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen untuk membina bangunan Ibu Pejabat Polis Klang Utara yang baru dan penambahbaikan balai polis sedia ada supaya dapat memudahkan pentadbiran yang menjamin keselamatan dan kesejahteraan penduduk serta memberikan ruang yang selesa bagi anggota polis bertugas di kawasan tersebut.
59. PR-1432-L08926
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan krisis COVID-19 sejak bulan Mac 2020. Adakah Kementerian menyediakan apa-apa bantuan untuk mereka yang tiada pekerjaan atau dipotong gaji.
60. PR-1432-L09848
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membanteras isu penyalahgunaan dan memperdagangkan dadah sintetik yang semakin berleluasa di negara kita, terutamanya di Sabah.
61. PR-1432-L09185
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pencapaian Program Subsidi Upah seperti berikut :-
- (a) jumlah permohonan syarikat dan pekerja yang menerima manfaat; dan
 - (b) berapa peratus peruntukan untuk program ini telah dibelanjakan.
62. PR-1432-L09010
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan 10 perancangan utama untuk mengatasi pengangguran di kalangan belia dan setakat manakah kejayaannya. Berapakah data terkini mengikut negeri pengangguran belia dan apakah sebab utama ia berlaku selain isu COVID-19.

63. PR-1432-L09066

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan memberi penjelasan berkenaan masalah masyarakat Orang Asli di kawasan Perkampungan Orang Asli Pos Betau dan Pos Pantos di dalam daerah Kuala Lipis serta di Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan yang menghadapi masalah ekonomi iaitu pendapatan bulanan bagi tanaman kelapa sawit dan getah mereka mempunyai purata berpendapatan yang mana sebelum ini mereka memperoleh dividen bulanan sebanyak RM500 ke RM600 sebulan dan kini hanya memperoleh sebanyak kurang dari RM200 sebulan. Apakah jalan penyelesaian Kementerian bagi membantu meningkatkan pendapatan bulanan mereka.

64. PR-1432-L09472

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan polisi, strategi dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani kemungkinan sekurang-kurangnya 2 juta lagi rakyat akan kehilangan pekerjaan akibat wabak COVID-19 seperti yang dinyatakan oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF).

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas. "

2. (D.R 37/2019) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kesihatan]

3. (D.R 42/2019) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019 "

[Perdana Menteri]

4. (D.R. 25/2019) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 "

[Perdana Menteri]

5. PR-1432-UL064
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujui."

6. PR-1432-U(27)116
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati

pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah. "

[Perdana Menteri]

7. PR-1432-U(27)114

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri Perpaduan Negara]

8. PR-1432-U(27)115

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

9. PR-1432-U(27)119

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1432-U(27)120

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

[Menteri Pengangkutan]

11. PR-1432-U(27)121

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula '*Free Flow 2KM*' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "*Free Flow*" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

[Menteri Dalam Negeri]

12. PR-1432-U(27)122

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

[Menteri Dalam Negeri]

13. PR-1432-U(27)123

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

[Perdana Menteri]

14. PR-1432-U(27)124

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

[Menteri Pengangkutan]

15. PR-1432-U(27)126

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

16. PR-1432-U(27)127

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

17. PR-1432-U(27)128

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1432-U(27)125

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

19. PR-1432-U(27)117

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta passport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1432-U(27)118

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

[Menteri Sumber Manusia]

21. PR-1432-U(27)129

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

22. PR-1432-U(27)132

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah

atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."

[Perdana Menteri]

23. PR-1432-U(27)131

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

[Perdana Menteri]

24. PR-1432-U(27)130

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 8	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2018 Siri 3	14 Julai 2020
CMD. 9	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018 Siri 3	14 Julai 2020
CMD. 10	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2018 Siri 3	14 Julai 2020
CMD. 11	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan Negeri Kelantan Tahun 2018 Siri 3	14 Julai 2020
CMD. 12	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka 2018 Siri 3	14 Julai 2020
CMD. 13	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 Siri 3	14 Julai 2020
CMD. 14	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2018 Siri 3	14 Julai 2020
CMD. 15	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2018 Siri 3	14 Julai 2020
CMD. 16	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2018 Siri 3	14 Julai 2020
CMD. 17	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2018 Siri 3	14 Julai 2020

<u>TAHUN</u> <u>2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD. 18	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2018 Siri 3	14 Julai 2020
CMD. 19	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018 Siri 3	14 Julai 2020
CMD. 20	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2018 Siri 3	14 Julai 2020

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 14.07.2020 (Selasa)	1. YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	1. Isu Peningkatan Kelengkapan Seksyen K-9 JSJ PDRM Kedah	1. YB Menteri Dalam Negeri
2. 14.07.2020 (Selasa)	2. YB Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)	2. Penyelenggaraan Balai dan Kwarters Pasukan Polis di Bukit Bendera	2. YB Menteri Dalam Negeri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**